

03 NOV 1997

G15-Suharto

SUHARTO MINTA NEGARA MEMBANGUN KERJASAMA STABILKAN PASARAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Suharto dari Indonesia, yang negaranya teruk dilanda krisis mata wang, hari ini menyeru negara-negara membangun bekerjasama mencari kaedah segera dan berkesan untuk menstabilkan pasaran kewangan.

"Turun naik keterlaluan dalam aliran kewangan antarabangsa dan urus niaga mata wang telah meranapkan segala kemajuan ekonomi dan sosial yang dicapai oleh negara membangun," katanya ketika berucap dalam sesi tertutup pada sidang kemuncak ketujuh G15 yang bermula di sini hari ini.

Suharto berkata ketika negara maju mendapat keuntungan sepenuhnya daripada globalisasi, banyak negara membangun terus tersisih, malahan ada juga negara-negara membangun yang dinamik turut mengalami kesan buruk globalisasi.

Indonesia serta Thailand kini bergantung kepada bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa untuk memulihkan ekonomi mereka. Indonesia dijangka menerima bantuan sehingga US\$40 bilion termasuk US\$1 bilion dari Malaysia.

"Dalam sekelip mata saja, hasil titik peluh dan pengorbanan kita selama ini, hilang begitu sahaja," kata Suharto dalam ucapan peringkat antarabangsa pertamanya mengenai krisis mata wang itu yang tercetus Julai lepas berikutan penurunan nilai baht Thailand.

Dalam konteks ini, katanya, globalisasi perlu diuruskan dengan tujuan mengurangkan kesannya kepada negara-negara yang mudah tergugat.

"Kami berpendapat Bangsa-bangsa Bersatu adalah satu-satunya badan antarabangsa yang mempunyai mandat untuk menentukan keadilan dan kesaksamaan untuk hubungan ekonomi antara negara-negara," kata Suharto.

Beliau berkata usaha menyusun semula Bangsa-bangsa Bersatu pada masa ini harus dibuat tanpa menjejaskan atau mengorbankan hak serta kepentingan ekonomi dan politik negara-negara membangun.

Pemimpin Indonesia itu juga menyentuh mengenai soal kehadiran ketua-ketua kerajaan pada sidang kemuncak G15, dengan berkata walaupun jumlah yang hadir setakat ini memenuhi keperluan korum, tetapi bilangan masih kurang memuaskan.

"Ini membuatkan kita khususnya negara tuan rumah, resah. Maka, wajarlah kita fikirkan kenapa keadaan ini masih berlaku," katanya.

Suharto mencadangkan supaya agenda sidang kemuncak dikaji semula agar ketua kerajaan hanya akan menumpukan perbincangan kepada isu dasar manakala soal teknikal dan pentadbiran diserahkan kepada wakil peribadi mereka.

Beliau berkata G15 juga harus mengurangkan agenda rutin bagi menggalakkan lebih ramai pemimpin hadir.

"Memandangkan keadaan ini, kita harus memikirkan sama ada jadual tahunan sidang kemuncak G15 harus dikekalkan atau dikaji semula," katanya.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya menjadi anggota terbaru dalam sidang kemuncak di sini.

Sidang kemuncak itu, yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dihadiri oleh Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Alberto Fujimori dari Peru, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Liamine Zeroual dari Algeria, Naib Presiden Argentina Dr Carlos Ruckauf, Naib Presiden India Krishan Kant dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica Dr Seymour Mullings. -- BERNAMA

RAZ MAI

